

Bekalan dijangka pulih Februari depan

Bukit Mertajam: Bekalan bawang yang melanda negara ketika ini hingga harganya naik sehingga tiga kali ganda, dijangka pulih Februari tahun hadapan.

Pengerusi Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA), Ishak Ismail, berkata ia disebabkan kekurangan jumlah import bawang merah terutama dari India susulan sekatan negara terbabit akibat banjir besar.

Bagaimanapun, katanya, ia hanya bersifat sementara.

Katanya, Malaysia bukan negara tunggal yang terkesan dengan situasi itu, sebaliknya turut dialami negara pengimport lain.

"Kira-kira 60 peratus daripada bekalan bawang di negara ini diimport dengan India menjadi pengimport terbesar iaitu 70 peratus.

"Malaysia turut mengimport bawang merah dari China, Pakistan dan Mesir, namun kualiti kurang baik berbanding bawang India.

"Rakyat negara ini sudah biasa menggunakan bawang dari India, menyebabkan permintaan kurang dari negara lain agak kurang.

"Bagaimanapun, kekurangan bekalan dan kenaikan harga bawang hanya bersifat sementara dan kita jangka pulih Februari depan," katanya kepada pemberita selepas mengadakan tinjauan mesra di Bazar Peduli Rakyat di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kampung Pelet dan penyerahan 'Jom Kongsi Rezeki' di si-



Muhammad Faiz (tiga dari kiri) bersama **Ishak** (kiri) melakukan tinjauan di Bazar Peduli Rakyat di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Kampung Pelet, Bukit Mertajam, semalam

(Foto Danial Saad/BH)

ni, semalam.

Majlis perasmian disempurnakan Pengurus Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir, Muhammad Faiz Fadil.

Ishak berkata, jumlah import bawang besar dari India menyusut sejak tiga bulan lalu kepada 1,399 tan bulan ini, berbanding 3,131 tan pada November dan 4,742 tan pada Oktober, menjadikan jumlah keseluruhan sepanjang tempoh itu hanya 9,272 tan.

"Dalam tempoh sama, jumlah

import bawang China adalah 41,280 tan, 28,018 tan dari Pakistan manakala Mesir sejumlah 2,644 tan," katanya.

Beliau berkata, FAMA akan mengambil beberapa langkah segera sebagai strategi jangka panjang bagi mengelak masalah sama berulang.

Katanya, antaranya ialah memperluaskan import bekalan dari negara lain dan bukan hanya bergantung kepada India.

Di Ipoh, harga bawang merah dan bawang besar di Pasar Besar Ipoh kekal tinggi.

Peniaga, Noorjanah Mohd Ibrahim, 41, berkata mereka terpaksa menggunakan bekalan daripada pemborong sama dan menjual pada harga tinggi.

"Kami belum mendapat bekalan bawang besar dari India, jadi kita gunakan bekalan dari Pakistan dan China yang dijual RM7 sekilogram.

Di Kota Bharu, bekalan bawang merah di Kelantan masih mencukupi walaupun berlaku kenaikan harga sehingga dijual antara RM8 hingga RM13 sekilogram.

HARI :	SABTU
TARIKH :	28/12/2019
M/SURAT :	4